

KAD KREDIT-i IKHWAN

Pengeluaran Kad Visa, Kad MasterCard atau Kad Amex Ikhwan Maybank Islamic yang dilampirkan (sama ada kad utama atau tambahan) ("**Kad**") oleh **Maybank Islamic Berhad** (No. Pendaftaran Syarikat 200701029411) ("**Bank**" atau "**kami**"), kepada anda (atau dalam hal kad tambahan, kepada ahli kad tambahan) dan penggunaan Kad oleh anda atau ahli kad tambahan akan tertakluk kepada terma dan syarat yang berikut. Terma dan syarat ini akan mengikat anda dengan serta-merta apabila:

- (a) anda (atau ahli kad tambahan, jika berkenaan) mengakui penerimaan Kad, atau
- (b) anda (atau ahli kad tambahan, jika berkenaan) mengaktifkan atau menggunakan Kad, mengikut mana-mana yang terdahulu.

BAHAGIAN A – PENGGUNAAN KONTRAK SYARIAH

1. KAD KREDIT-i IKHWAN INI DIKELUARKAN BERDASARKAN KONTRAK SYARIAH TAWARRUQ DALAM BENTUK KOMODITI MURABAHAH

Kontrak Syariah yang digunakan ialah Murabahah (kos berserta keuntungan) melalui konsep Tawarruq (Komoditi Murabahah). Murabahah adalah Murabahah ialah akad jual beli di mana kos perolehan dan harga penambahan adalah diketahui oleh anda di mana anda membayar harga dalam tempoh masa yang dipersetujui. Aset yang mendasari urusan jualan antara anda dan kami adalah komoditi khusus patuh Syariah yang boleh diniagakan.

- 1.1 Mengikut transaksi jual beli secara Komoditi Murabahah, kami memperoleh/membeli komoditi patuh Syariah daripada pihak ketiga (Peniaga Komoditi 1) atas permintaan anda.
- 1.2 Kami kemudian menjual komoditi kepada anda dengan pada harga jualan yang dipersetujui (kos campur untung) atas dasar pembayaran tertunda
- 1.3 Anda kemudiannya melantik pihak kami sebagai wakil untuk menjual komoditi kepada pihak ketiga (Peniaga Komoditi 2) yang lain pada kos dan secara langsung.
- 1.4 Sebagai wakil anda, kami kemudiannya menjual komoditi kepada pihak ketiga (Peniaga Komoditi 2) pada harga yang bersamaan dengan jumlah Had Kad.
- 1.5 Hasil jualan komoditi akan dikeluarkan dalam bentuk Had Kad yang diberikan kepada akaun kad

anda, tertakluk kepada terma dan syarat kemudahan

- 1.6 Anda dengan ini secara tidak boleh ditarik balik melantik dan memberi kuasa kepada kami sebagai wakil bi-daf' (ejen pembayaran) untuk menggunakan hasil yang dijana daripada transaksi Tawarruq untuk menyelesaikan apa-apa bayaran yang perlu dibayar kepada peniaga atau pihak ketiga lain yang timbul daripada penggunaan Kad Kredit oleh anda. Anda mengakui dan bersetuju bahawa peranan kami sebagai wakil bi-daf' akan dihadkan untuk membuat pembayaran sedemikian bagi pihak anda daripada hasil tersebut, dan bahawa anda akan kekal bertanggungjawab akhirnya ke atas semua kewajipan dan liabiliti yang timbul di bawah Perjanjian ini
- 1.7 Untuk transaksi Komoditi Murabahah di bawah kemudahan ini, pada setiap masa kami menjadi ejen bukan eksklusif bagi pihak anda, dalam melaksanakan transaksi Komoditi Murabahah yang berkaitan dengan Kad ini.
- 1.8 Kami akan menetapkan dan menentukan, bagi pihak anda, had kad sebelum pelaksanaan Komoditi Murabahah, berdasarkan gaji yang diisytiharkan oleh pemegang kad dan sentiasa tertakluk kepada had maksimum yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia dalam Dokumen Polisi untuk Kad Kredit-i.
- 1.9 Harga jualan yang perlu dibayar oleh Ahli Kad kepada Bank ("**Harga Jualan Bank**") terdiri daripada Had Kad dan keuntungan Bank = Had Kad + jumlah keuntungan (Had Kad X Kadar Keuntungan (28%) x Tempoh Akad (5 tahun))
- 1.10 Ibra (rebat)
Kami akan memberi rebat (*Ibra*) kepada anda dalam, tetapi tidak terhad kepada, situasi-situasi berikut:
 - (a) Anda membuat penyelesaian awal sebelum pengeluaran penyata akaun bulanan atau, dalam tempoh 20 hari dari pengeluaran penyata akaun bulanan; dan
 - (b) Sekiranya penggunaan Had Kad adalah kurang daripada jumlah keuntungan yang diperolehi daripada Komoditi Murabahah.

Untuk kejelasan, rebat tersebut tidak akan ditafsirkan sebagai rebat tunai yang perlu dibayar kepada anda, tetapi akan ditunjukkan sebagai pengurangan dalam elemen keuntungan Harga Jualan Kad Bank.

BAHAGIAN B – PENGELUARAN DAN PENERIMAAN KAD

2. PENGELUARAN KAD

2.1 Anda bersetuju bahawa tempoh Perkhidmatan di bawah Perjanjian ini akan ditentukan oleh Bank. Bank boleh melanjutkan tempoh dari setahun ke setahun atau untuk apa-apa tempoh lain sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Bank. Jika Perkhidmatan tidak dilanjutkan, maka Perkhidmatan dan Perjanjian ini sehingga tarikh tamat tempoh dan/atau tarikh penamatan Kad perlu dibayar sepenuhnya. Perkhidmatan juga akan tertakluk kepada semakan berkala mengikut budi bicara Bank dan apa-apa amaun yang perlu dibayar di bawah Perjanjian ini hendaklah dibayar apabila diminta.

3. PENERIMAAN KAD

3.1 Anda mesti menandatangani Kad dengan segera selepas menerimanya. Jika anda tidak bersetuju dengan terma dan syarat ini, anda mesti memotong dua Kad tersebut, dan segera memulangkan bahagian yang dipotong itu kepada kami. Jika anda tidak berbuat demikian, anda dianggap bersetuju dengan terma dan syarat ini tanpa keraguan.

3.2 Anda dilarang membenarkan mana-mana orang lain menggunakan Kad, dan anda tidak boleh mendedahkan PIN kepada mana-mana orang.

4. PERKHIDMATAN KAD

4.1 Tertakluk kepada terma dan syarat Perjanjian ini, anda berhak menggunakan Perkhidmatan dari Kad kami bergantung pada Had Kad. Kemudahan ATM telah digabungkan ke dalam Kad anda untuk membolehkan anda melaksanakan transaksi perbankan dengan kami (pada mana-mana akaun selain akaun Kad anda) dengan kaedah elektronik, sama ada melalui ATM, Terminal Bacaan Jalur Magnetik atau selainnya.

4.2 Pada masa ini Perkhidmatan Kad merangkumi:

- (a) Pembayaran untuk barangan dan/atau perkhidmatan patuh Syariah daripada Pedagang Dibenarkan;
- (b) Pendahuluan Tunai dari mana-mana ATM;
- (c) Pengendalian pelbagai akaun bank yang dibuka untuk Ahli Kad berhubung dengan penggunaan

Kad; dan/atau

- (d) Kemudahan lain, tertakluk kepada pengaturan bertulis yang dibuat dengan Bank terlebih dahulu.

Kami boleh, dari semasa ke semasa mengikut budi bicara kami, memberi anda satu atau lebih Perkhidmatan Kad yang lain. Jika kami berbuat demikian, terma dan syarat yang mengawal apa-apa kemudahan lain akan dinyatakan dalam adendum kepada terma dan syarat ini. Kami boleh, mengikut budi bicara kami, berhenti menyediakan, menambah atau menggantikan apa-apa Perkhidmatan (dan apa-apa manfaat dan keistimewaan yang berkaitan) dari semasa ke semasa dengan memberikan notis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar kepada anda terlebih dahulu.

BAHAGIAN C – KEUNTUNGAN DAN CAJ

5. KEUNTUNGAN DAN CAJ

5.1 Caj EPR dan ECAPR seperti yang dinyatakan dalam Lampiran 1 (*Caj EPR dan ECAPR*) Perjanjian ini akan dicajkan ke atas Baki Belum Jelas bagi transaksi runcit dan Pendahuluan Tunai yang belum dibayar sepenuhnya sebelum Tarikh Akhir Pembayaran yang berkenaan. Caj ECAPR akan dikira pada asas harian dari tarikh Pendahuluan Tunai dibuat sehingga tarikh bayaran penuh diterima dan dikreditkan ke dalam Akaun Kad. Caj EPR akan dikira berdasarkan transaksi runcit yang belum dibayar sepenuhnya dari tarikh pencatatan sehingga bayaran penuh dibuat. Caj EPR dan ECAPR yang dikira tidak akan dikompaun

5.2 Anda hendaklah membayar (dan membenarkan kami untuk mendebitkan Akaun Kad anda dengan amaun)caj seperti yang dinyatakan dalam **Lampiran 2** (*Caj Kad Kredit-i*) Perjanjian ini.

5.3 Jika kami tidak menerima Bayaran Minimum pada Tarikh Akhir Pembayaran, caj bayaran lewat akan dikenakan pada kadar satu peratus (1%) setahun daripada jumlah yang bersamaan dengan Baki Belum Jelas yang belum dibayar berhubung dengan apa-apa transaksi runcit dan Pendahuluan Tunai, tertakluk kepada caj minimum sebanyak RM10, mengikut mana-mana yang lebih tinggi sehingga maksimum sebanyak RM100, atau apa-apa amaun maksimum seperti yang diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah, Bank Negara Malaysia. Caj bayaran lewat tersebut akan terus terakru dan menjadi kena dibayar sehingga pembayaran penuh bagi Baki Belum Jelas yang belum dibayar dibuat tetapi tidak akan dikompaun. (Tidak terpakai untuk Kad Kredit-i Ikhwan Maybank Islamic myimpact Mastercard Platinum)

- 5.4 Semua pembayaran yang anda buat kepada kami tidak akan tertakluk kepada apa-apa potongan (sama ada berdasarkan apa-apa tuntutan atau tuntutan balas atau hak tolak selesai yang anda fikir mungkin ada terhadap Pedagang Dibenarkan, Saluran Tunai Dibenarkan dan/atau kami, atau selainnya).
- 5.5 Semua bayaran kepada Akaun Kad mesti dibuat dalam Mata Wang Bil. Bayaran anda tidak akan dianggap sebagai telah dibuat sehingga kami menerima bayaran berkenaan. Semua bayaran yang dibuat melalui cek luar mesti termasuk komisen pertukaran dalaman yang terpakai, jika tidak kami akan mendebitkan Akaun Kad anda dengan amaun komisen tersebut.
- 5.6 Anda bersetuju bahawa kami boleh, dari semasa ke semasa, menyemak caj ini (termasuk dengan cara mengubah jenis caj atau amaun apa-apa caj) melalui pengeluaran **Lampiran 2 (Caj Kad Kredit-i)** yang disemak atau notis tentangnya atau dengan memaparkannya dalam laman web kami di www.maybank2u.com.my ("**Laman Web**") atau laman web lain seumpamanya seperti yang diberitahu kepada anda dari semasa ke semasa, dengan notis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar kepada anda. Caj yang disemak itu akan mengikat anda selepas tamat tempoh notis dua puluh satu (21) hari kalendar tersebut.
- 5.7 Semua keuntungan dan caj dan apa-apa cukai yang terpakai akan didebitkan ke dalam Akaun Kad anda apabila perlu dibayar dan tidak akan dikembalikan.
- 5.8 Apa-apa cukai atau levi yang dikenakan oleh undang-undang atau ke atas apa-apa keuntungan dan caj akan kami kenakan kepada anda pada kadar semasa pada masa ini.
- 6.2 Jika Jumlah Baki Baharu melebihi Had Kad anda, keseluruhan amaun yang melebihi Had Kad berserta amaun yang tidak kurang daripada lima peratus (5%) Jumlah Baki Baharu (tetapi termasuk apa-apa amaun yang ditunjukkan sebagai lampau tempoh pada penyata akaun bulanan).
- 6.3 Ibra(rebat) akan digunakan pada pembayaran yang diterima selama dua puluh (20) hari kalendar dari Tarikh Penyata, jika anda telah membayar amaun penuh bagi transaksi runcit bulan terdahulu. Jika anda memilih untuk membayar sebahagian atau Bayaran Minimum, Kadar Keuntungan ke atas transaksi runcit anda yang belum dibayar akan dikira dari hari transaksi direkodkan pada akaun anda.
- 6.4 **Kaedah Peruntukan Bayaran**
Kami akan menggunakan sebarang bayaran yang diterima daripada Pemegang Kad untuk menyelesaikan baki tertunggak dengan cara berikut:
- (i) Jika sebarang bayaran separa yang diterima daripada Pemegang Kad adalah sama atau kurang daripada bayaran bulanan minimum, kami akan memperuntukkan sehingga 30% daripada jumlah tersebut untuk menyelesaikan bahagian yuran baki.
- (ii) Sekiranya bayaran separa yang diterima lebih daripada bayaran bulanan minimum; lebihan akan menyelesaikan baki (i.e. yang terdapat dalam penyata) berdasarkan susunan baki yang menarik kadar yuran tertinggi.
- 6.4 Pembayaran anda akan mengembalikan Had Kad anda sewajarnya.

BAHAGIAN D – TERMA DAN SYARAT AM

7. PENGGUNAAN KAD

6. **PEMBAYARAN**
- 6.1 Selepas anda menerima (atau dianggap telah menerima) penyata akaun bulanan bagi Akaun Kad anda, anda mesti membuat pembayaran seperti yang berikut:
- (a) Dengan membayar seluruh amaun Jumlah Baki Baharu pada atau sebelum Tarikh Akhir Pembayaran;
- (b) Dengan membuat Bayaran Minimum seperti yang berikut sebagai alternatif:-
- (i) Jika Jumlah Baki Baharu tidak melebihi Had Kad anda, suatu amaun yang tidak kurang daripada lima peratus (5%) Jumlah Baki Baharu, tertakluk kepada minimum sebanyak RM25 sahaja; atau
- (a) Bayaran kepada mana-mana Pedagang Dibenarkan:
- (i) Anda mesti memasukkan PIN anda apabila diminta; atau
- (ii) Anda mesti menandatangani Draf Jualan yang disediakan oleh Pedagang Dibenarkan; atau
- (iii) Bagi pembayaran dari jauh, (contohnya, bayaran yang dibuat melalui Internet, pesanan mel atau pesanan telefon) dan bayaran di Tempat Jualan tertentu atau melalui kaedah lain yang diluluskan oleh

Bank terlebih dahulu, anda boleh membayar tanpa menandatangani Draf Jualan atau memasukkan PIN, dengan memberikan nombor Kad anda kepada Pedagang Dibenarkan berserta butiran tertentu lain yang dinyatakan pada Kad anda,

- (b) Bagi Pendahuluan Tunai dari mana-mana Saluran Tunai Dibenarkan, anda mesti menandatangani Draf Pendahuluan Tunai yang disediakan oleh Saluran Tunai Dibenarkan;
- (c) Bagi Pendahuluan Tunai melalui ATM, anda mesti menggunakan PIN untuk mendapatkan akses kepada Akaun Kad anda.

7.2 Penggunaan Kad dilarang pada Kod Kategori Pedagang yang Kod Kategori Peniaga (KKP) termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut dan mana-mana peniaga lain yang tidak patuh Syariah yang akan dimaklumkan oleh Bank dari semasa ke semasa;

No	KKP	Huraian
1	5921	Kedai Pakej, Bir, Wain, Minuman keras
2	5993	Kedai Cerut
3	7261	Perkhidmatan Upacara Pengebumian dan Pembakaran
4	7273	Perkhidmatan Temu Janji dan Pengiring
5	7800	Loteri Milik Kerajaan (Wilayah AS sahaja)
6	7801	Kasino Dalam Talian Berlesen Kerajaan (Perjudian Dalam Talian) (Wilayah AS sahaja)
7	7802	Kerajaan Berlesen Lumba Kuda, Lumba Anjing (Wilayah AS sahaja)
8	7995	Transaksi Perjudian
9	9406	Loteri Milik Kerajaan (Wilayah bukan AS)
10	9754	Perjudian - Lumba kuda dan anjing, Loteri Negeri

7.3 Pendebitan Akaun Kad anda

- (a) Kami akan mendebitkan Akaun Kad anda dengan amaun bagi semua pembayaran dan Pendahuluan Tunai yang dibuat menggunakan Kad anda.
- (b) Anda membenarkan kami untuk mendebitkan Akaun Kad anda bagi setiap bayaran atau Pendahuluan Tunai berdasarkan keterangan Draf

Jualan atau Pendahuluan Tunai. Hal ini terpakai walaupun Pedagang Dibenarkan telah mengenakan caj berlebihan atau caj kurang kepada anda.

Anda mesti mematuhi semua keperluan, arahan dan garis panduan yang kami keluarkan dari semasa ke semasa berhubung dengan penggunaan Kad dan Perkhidmatan berkaitan yang disediakan kepada anda.

(d) Anda bersetuju bahawa rekod transaksi kami yang dijalankan menggunakan Kad anda adalah muktamad dan mengikat anda dan akan membentuk keterangan muktamad terhadap hutang yang anda tanggung dan didebitkan ke dalam Akaun Kad anda.

(e) Tanpa menjejaskan Fasal **Error! Reference source not found.**, anda bersetuju bahawa jika anda menggunakan Kad bagi tujuan yang dilarang oleh prinsip Syariah atau bagi pembelian barangan atau perkhidmatan tidak patuh Syariah, penggunaan tersebut tidak akan membentuk pembelaan terhadap apa-apa tuntutan bagi amaun yang perlu dibayar berkaitan dengan penggunaan tersebut dan anda akan kekal bertanggung sepenuhnya untuk membayar amaun tersebut kepada kami menurut Perjanjian ini.

8. AKAUN KAD

8.1 Anda boleh memohon e-penyata akaun bulanan atau meminta penyata bulanan fizikal yang menunjukkan amaun caj Kad yang ditanggung dan baki Akaun Kad anda.

8.2 Rekod dan masukan dalam penyata akaun bulanan anda hendaklah dianggap tepat dan mengikat anda, melainkan kami menerima notis bertulis sebaliknya dalam tempoh dua puluh (20) hari kalendar dari tarikh tutup Tempoh Bil yang berkenaan seperti yang dinyatakan dalam penyata.

8.3 Jika kami menerima notis tersebut dalam tempoh yang ditetapkan, kami akan menyemak Akaun Kad anda dan membuat apa-apa pelarasan dan pembedahan yang kami anggap sesuai. Fasal ini tidak menjejaskan obligasi pembayaran anda di bawah Fasal 6 (*Pembayaran*).

9. HAD KAD

9.1 Kami boleh, pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa mengikut budi bicara kami, dan tanpa perlu memberi anda apa-apa sebab, menyemak Had Kad anda (termasuk mengurangkannya).

Had baharu akan berkuat kuasa selepas tamat tempoh notis tujuh (7) hari kalendar. Dalam apa-apa keadaan, anda dianggap telah diberitahu tentang had baharu tersebut selepas pengeluaran penyata akaun bulanan anda, yang akan memaparkan had baharu tersebut.

9.2 Jika anda mempunyai dua atau lebih Akaun Kad dengan kami, gabungan Had Kad yang menunjukkan jumlah had kredit yang merangkumi semua akaun tersebut akan diberikan kepada anda.

9.3 Anda tidak boleh melebihi Had Kad pada bila-bila masa. Jika anda berbuat demikian, anda mesti membayar kepada kami lebihan itu dengan segera selepas menerima penyata akaun bulanan anda dan/atau apa-apa notis yang kami keluarkan menurut Fasal 6 (b)(ii). Anda boleh, mengikut budi bicara kami, memperoleh tunai jika Pendahuluan Tunai tersebut tidak akan melebihi Had Kad anda yang sedia ada, dengan cara:

- (a) Mengemukakan Kad di mana-mana Saluran Tunai Dibenarkan kami berserta bukti pengenalan anda dan dengan menandatangani Draf Pendahuluan Tunai; atau
- (b) Menggunakan Kad anda di mana-mana ATM (walaupun setiap Pendahuluan Tunai akan tertakluk kepada had pengeluaran harian yang terpakai atau had bagi transaksi Pendahuluan Tunai yang terpakai untuk ATM tersebut).

9.4 Kami boleh, mengikut budi bicara kami dan tanpa perlu memberi anda apa-apa sebab, mengenakan siling (diungkapkan sebagai peratusan daripada Had Kad anda dan/atau baki anda) ke atas amaun apa-apa Pendahuluan Tunai, dan boleh dari semasa ke semasa mengubah siling tersebut (termasuk mengurangkannya). Kami akan memberi anda notis tujuh (7) hari kalendar tentangnya.

10. PEMILIKAN KAD

10.1 Kad adalah kepunyaan kami pada setiap masa. Anda tidak boleh melepaskan milikan atau kawalan Kad, berkongsi, mengubah, membeza, mencatitkan dan/atau mengganggu Kad dalam apa jua cara dan untuk sebarang tujuan yang tidak dibenarkan oleh kami. Setakat yang dibenarkan di bawah undang-undang, kami mengecualikan semua liabiliti sekiranya Kad diubah, dibezakan, dicatitkan dan/atau diganggu oleh anda atau oleh mana-mana pihak ketiga yang tidak diberikan kuasa oleh kami

10.2 Anda mesti mengambil langkah berjaga-jaga

yang munasabah untuk mengelakkan daripada kecurian, kehilangan atau penggunaan Kad anda yang tidak dibenarkan. Jika berlaku kejadian tersebut, anda mesti memberitahu kami (atau mana-mana ahli MasterCard, Visa atau AMEX International, jika berkenaan) dengan segera melalui e-mel, faks atau telefon (dan jika melalui telefon atau kepada ahli MasterCard, Visa atau AMEX International yang lain, hendaklah segera diikuti dengan pengesahan bertulis kepada kami tentang kejadian tersebut). Anda juga mesti membuat laporan polis secepat yang mungkin dan memberikan salinan laporan polis yang diperakui sah kepada kami dengan segera.

10.3 Anda hendaklah bertanggungjawab terhadap transaksi tanpa kebenaran yang memerlukan pengemukaan Kad anda dan pengesahan PIN/Tandatangan jika anda:

- (a) Melakukan penipuan;
- (b) Melengah-lengahkan pemberitahuan kepada kami selepas mendapat tahu tentang kehilangan, kecurian atau penggunaan Kad tanpa kebenaran;
- (c) Mendedahkan PIN secara sukarela atau membenarkan orang lain menggunakan Kad;
- (d) Merekodkan PIN pada Kad atau apa-apa sahaja yang disimpan berdekatan Kad; atau
- (e) Secara cuai (1) membiarkan Kad tanpa pengawasan atau (2) membolehkan PIN anda diketahui oleh mana-mana orang.

10.4 Atas permintaan anda, kami boleh menggantikan Kad dengan bayaran fi sebanyak RM50 atau apa-apa amaun yang kami anggap sesuai bagi setiap penggantian Kad di bawah Akaun Kad jika penggantian tersebut diperlukan akibat:

- (a) Kehilangan, kerosakan atau kecurian;
- (b) Pendedahan tanpa kebenaran tentang butiran berkaitan Kad kepada pihak ketiga; atau
- (c) Permintaan anda untuk menukar nombor Kad.

10.5 Anda mesti dengan segera memulangkan Kad yang dipotong dua kepada kami selepas:

- (a) Tamat tempohnya;
- (b) Diminta oleh kami; atau
- (c) Penemuan Kad setelah anda memberitahu kami tentang kehilangannya (dalam hal ini anda tidak boleh membuat apa-apa percubaan lanjut untuk menggunakan Kad).

11. KESELAMATAN KAD DAN PIN

11.1 Anda mesti memastikan bahawa semua maklumat yang disediakan kepada kami adalah tepat dan terkini.

- 11.2 Anda mesti mengemas kini butiran maklumat anda atas permintaan kami bagi tujuan rekod, pengesahan dan keselamatan.
- 11.3 Anda mesti, pada setiap masa memastikan bahawa PIN sentiasa dirahsiakan dan selamat dan tidak didedahkan kepada mana-mana pihak ketiga. Bagi tujuan ini, anda mesti:
- (a) Memusnahkan apa-apa notis pemberitahuan PIN secepat yang mungkin selepas penerimaannya;
 - (b) Memastikan bahawa PIN disimpan di tempat yang selamat (contohnya, dengan mengingat PIN atau menyulitkan PIN menggunakan aplikasi penyimpan kata laluan elektronik yang dipercayai dan hanya boleh diakses oleh anda) dan tidak menyimpan rekod bertulis tentang PIN di mana-mana pada, bersama atau berdekatan Kad;
 - (c) Tidak membenarkan mana-mana orang lain melihat PIN anda semasa memasukkan apa-apa PIN;
 - (d) Tidak cuai semasa menggunakan PIN sehingga membolehkan apa-apa transaksi tanpa kebenaran dilakukan oleh mana-mana pihak ketiga;
 - (e) Mengelak daripada menggunakan nombor yang mudah diteka (contohnya tarikh lahir, nombor kad pengenalan atau nombor telefon) sebagai PIN;
 - (f) Maklumkan kami dengan segera sekiranya anda menyedari bahawa PIN anda mungkin telah dikompromikan dengan apa cara pun; misalnya, jika anda menerima makluman transaksi melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) atau 'Push Notification' daripada Aplikasi Maybank berkaitan dengan transaksi yang tidak sah. TIADA makluman transaksi melalui perkhidmatan pesanan ringkas (SMS) akan dikirim untuk transaksi berdasarkan PIN di Terminal Titik Jualan (POS) di seluruh negara. Anda boleh memilih untuk terus menerima makluman transaksi melalui Aplikasi MAE atau Aplikasi Maybank2u MY (secara kolektif, "Aplikasi Maybank"). Sila muat turun dan daftar untuk Aplikasi Maybank dan pastikan notifikasi pada peranti dan aplikasi Aplikasi Maybank diaktifkan.
 - (g) Menggunakan Kad dengan bertanggungjawab dan bukan untuk apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang; dan
 - (h) Menyemak setiap penyata akaun bulanan dengan teliti dan melaporkan apa-apa percanggahan tanpa kelengahan tak wajar.
- 12. KAD TAMBAHAN**
- 12.1 Jika anda merupakan Ahli Kad Utama, kami boleh,
- atas permintaan anda dan mengikut budi bicara tunggal dan mutlak kami, mengeluarkan Kad Tambahan kepada orang yang anda namakan. Kad Tambahan tersebut akan menjadi subsidiari kepada Kad yang dikeluarkan kepada anda dan semua caj yang ditanggung di bawah Kad Tambahan akan dicaj kepada Akaun Kad anda.
- 12.2 Terma dan syarat ini akan terpakai secara sama rata untuk mana-mana Kad Tambahan. Dengan menggunakan Kad Tambahan, Ahli Kad Tambahan akan dianggap telah bersetuju dengan terma dan syarat ini sebagaimana yang terpakai ke atasnya. Jika anda merupakan Ahli Kad Utama, anda akan bertanggungjawab:
- (a) terhadap semua tindakan Ahli Kad Tambahan anda, dan semua caj (termasuk Caj, kos dan EPR) yang ditanggung oleh Ahli Kad Tambahan anda; dan
 - (b) memastikan bahawa Ahli Kad Tambahan anda mematuhi terma dan syarat ini (sebagaimana yang terpakai ke atasnya), dan mematuhi obligasinya. Semua rujukan kepada "Kad" dalam terma dan syarat ini, dan kepada liabiliti yang anda tanggung berhubung dengan penggunaan Kad, hendaklah ditafsirkan sewajarnya.
- 12.3 Walau apa pun yang dinyatakan di atas, Ahli Kad Tambahan juga akan bertanggungjawab terhadap semua caj yang ditanggung olehnya mengikut kapasiti perseorangan.
- 12.4 Kami boleh, mengikut budi bicara kami, bersetuju dengan permintaan anda untuk memberi Ahli Kad Tambahan akses kepada akaun semasa atau akaun simpanan Maybank anda atau menggunakan ATM.
- 12.5 Anda boleh membuat permintaan bertulis untuk membatalkan mana-mana Kad Tambahan. Jika anda berbuat demikian, Kad Tambahan mesti, pada masa yang sama dipotong dua dan bahagian yang dipotong itu dipulangkan kepada kami. Pembatalan ini tidak akan menjejaskan apa-apa hak atau obligasi kami atau anda yang terakru.
- 13. KEMUNGKIRAN**
- 13.1 Setiap kejadian yang berikut merupakan kejadian mungkir:
- (a) Jika anda gagal membayar apa-apa jumlah perlu dibayar oleh anda di bawah terma dan syarat ini apabila perlu dibayar; atau
 - (b) Jika anda melebihi Had Kad; atau
 - (c) Jika anda atau mana-mana Ahli Kad Tambahan melanggar apa-apa syarat Perjanjian ini; atau

- (d) Jika ketaksolvenan atau prosiding yang serupa dibuat terhadap anda (tidak kira di mana), dan prosiding itu tidak diketepikan dalam tempoh tiga puluh (30) hari kalendar; atau
- (e) Jika apa-apa keputusan monetari dibuat terhadap anda dan tidak diselesaikan sepenuhnya atau diketepikan dalam tempoh tiga puluh (30) hari kalendar; atau
- (f) Jika, menurut pandangan kami, kedudukan kewangan anda atau keupayaan anda untuk melaksanakan Perjanjian ini telah terjejas; atau
- (g) Jika Kad atau mana-mana Kad Tambahan digunakan untuk membuat pembayaran bagi apa-apa pembayaran tidak sah atau dalam apa-apa transaksi yang menyalahi undang-undang; atau
- (h) Jika Kad atau mana-mana Kad Tambahan dikeluarkan untuk membayar barangan atau Perkhidmatan yang bukan untuk kegunaan peribadi dan bertujuan untuk dijual semula atau untuk kegunaan komersil atau perniagaan atau eksploitasi; atau
- (i) Jika anda menggunakan Kad untuk apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang atau tidak patuh Syariah termasuk tetapi tidak terhad kepada pertaruhan dalam talian, pembayaran bagi barangan tidak patuh Syariah; atau
- (j) Sekiranya anda meninggal dunia.
- 13.2 Jika mana-mana satu kejadian di atas atau lebih berlaku, maka kami boleh mengikut budi bicara kami dan dengan memberikan notis kepada anda terlebih dahulu:
- (a) Membatalkan atau menolak untuk membaharui Kad anda, dan/atau mana-mana Kad Tambahan; atau
- (b) Menggantungkan atau mengehentikan penggunaan Kad anda dan/atau mana-mana Kad Tambahan. Dalam kejadian tersebut, semua jumlah yang terhutang kepada kami di bawah Akaun Kad anda akan serta-merta menjadi perlu dibayar dan kena dibayar, dan anda mesti membayar jumlah tersebut kepada kami apabila diminta.
- 13.3 Anda bersetuju bahawa jika Kad anda dibatalkan atau digantung, kami boleh meletakkan nama anda dalam Senarai Pembatalan yang boleh diedarkan kepada semua Pedagang Dibenarkan dan/atau Saluran Tunai Dibenarkan serta semua cawangan dan sekutu kami.
- 14. PENGECUALIAN LIABILITI**
- 14.1 Kami tidak akan bertanggungjawab dalam apa jua cara terhadap apa-apa kerugian atau ganti rugi yang ditanggung oleh anda atau mana-mana Ahli Kad Tambahan disebabkan oleh Kad atau mana-mana Kad Tambahan yang tidak dibaharui atau dibatalkan, atau apa-apa penggantungan atau sekatan hak penggunaan Kad atau mana-mana Kad Tambahan.
- 14.2 Kami tidak akan bertanggungjawab dalam apa jua cara terhadap apa-apa kerugian atau ganti rugi yang dialami oleh anda, disebabkan oleh mana-mana Pedagang Dibenarkan atau Saluran Tunai Dibenarkan. Anda hendaklah menguruskan apa-apa tuntutan terhadap atau pertikaian dengan Pedagang Dibenarkan atau Saluran Tunai Dibenarkan tersebut secara langsung dengan entiti itu. Jika tuntutan atau pertikaian tersebut timbul, anda tidak boleh menahan apa-apa bayaran kepada kami di bawah terma dan syarat ini.
- 14.3 Anda hendaklah bertanggungjawab terhadap semua caj yang timbul daripada semua transaksi Kad yang dibenarkan sewajarnya atau dianggap dibenarkan oleh anda. Hal ini tidak menjejaskan liabiliti anda di bawah Fasal 10.2 Perjanjian ini.
- 15. TRANSAKSI LUAR NEGARA**
- 15.1 Anda boleh menggunakan Kad di luar Malaysia di mana terdapat Pedagang Dibenarkan dan/atau Saluran Tunai Dibenarkan.
- 15.2 Anda boleh menggunakan Kad untuk Pendahuluan Tunai melalui ATM terpilih di negara yang kami luluskan, dan/atau Pedagang Sekutu Visa International, MasterCard International atau AMEX International (bergantung pada Kad anda).
- 15.3 Anda memberi kepada kami kebenaran untuk mengambil semua langkah yang kami fikirkan perlu bagi mematuhi Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia berhubung dengan transaksi luar negara. Kebenaran tersebut akan terus mengikat anda pada setiap masa dan tidak boleh dibatalkan.
- 15.4 Mata wang bagi transaksi yang dijalankan di luar Malaysia akan ditukar kepada Ringgit Malaysia pada tarikh kami menerima dan/atau memproses rekod transaksi diterima. [Bagi Kad AMEX, apa-apa caj yang dibuat dalam mata wang asing selain Dolar A.S. apabila penukaran dibuat oleh American Express, akan ditukar kepada Dolar A.S. sebelum ditukar kepada mata wang bil anda.] Amaun yang ditukar akan ditunjukkan dalam penyata anda. Kadar pertukaran yang digunakan mungkin berbeza daripada kadar yang digunakan

pada tarikh transaksi, disebabkan turun naik pasaran. Kadar pertukaran yang digunakan untuk penukaran mewakili gabungan (i) komponen penukaran mata wang 1.25% yang dikenakan oleh Visa International atau MasterCard International (dalam hal Kad Visa atau Mastercard) dan (ii) 1% atau pada kadar lain yang dikenakan oleh kami dari semasa ke semasa. Semua caj asing yang ditukar oleh American Express menggunakan faktor penukaran sebanyak 2.5% terhadap amaun yang ditukar.

16. TANGGUNG RUGI

- 16.1 Anda bersetuju untuk menanggung rugi kami (dan terus menanggung rugi kami) daripada apa-apa liabiliti, kerugian, ganti rugi, kos (termasuk kos guaman atas dasar peguam cara dan anak guam), atau perbelanjaan yang kami tanggung dalam mengikat, melaksanakan atau menguatkuasakan hak kami di bawah Perjanjian ini.
- 16.2 Anda akan, apabila diminta membayar kepada kami semua kos guaman (atas dasar peguam cara dan anak guam), dan semua caj dan perbelanjaan yang kami tanggung dalam melaksanakan hak kami di bawah Perjanjian ini.
- 16.3 Tanggung rugi ini hendaklah kekal berkuat kuasa dan dilaksanakan sepenuhnya walaupun selepas pembatalan atau penamatan Kad.

17. PENAMATAN KAD DAN KAD TAMBAHAN

- 17.1 Anda boleh menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa dengan:
- (a) Memberitahu kami secara bertulis; dan
 - (b) Memulangkan Kad (dan mana-mana Kad Tambahan) yang dipotong dua kepada kami. Kami tidak akan membayar balik Fi Tahunan atau apa-apa bahagiannya sekiranya berlaku penamatan tersebut.
- 17.2 Jika anda ingin membatalkan Kad Tambahan tanpa membatalkan Kad Utama anda mesti:
- (a) Memberitahu kami secara bertulis; dan
 - (b) Memulangkan Kad Tambahan yang dipotong dua kepada kami. Kami tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian akibat penggunaan Kad Tambahan oleh Ahli Kad Tambahan dan/atau mana-mana pihak ketiga.
- 17.3 Kami boleh menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa mengikut budi bicara kami dengan memberikan notis tujuh (7) hari kalendar tentangnya dan tanpa perlu memberikan apa-

apa sebab kepada anda.

- 17.4 Penamatan Perjanjian ini tidak akan menjejaskan hak dan obligasi anda atau kami yang terakru.

18. GANJARAN

- 18.1 Sebagai Ahli Kad Utama, anda berhak menerima Ganjaran bagi pembayaran runcit barangan dan Perkhidmatan yang dibuat dengan Kad anda bagi tujuan kegunaan peribadi sahaja (dan bukan bagi tujuan perniagaan atau komersil). Kami akan memberikan Ganjaran hanya apabila kami menganggap pembayaran anda termasuk dalam kategori yang dibenarkan ini.
- 18.2 Kami berhak menarik balik peruntukan apa-apa Ganjaran kepada anda, jika kami berpendapat bahawa anda tidak layak menerima Ganjaran tersebut. Keputusan kami adalah muktamad dan mengikat anda.
- 18.3 Ganjaran yang anda kumpul menggunakan Kad akan dibatalkan dengan serta-merta selepas pembatalan Kad atau penamatan Perjanjian ini.
- 18.4 Kami berhak diberikan pampasan bagi nilai penuh apa-apa Ganjaran yang diberikan kepada dan ditebus oleh anda, yang tidak layak anda terima di bawah syarat Perjanjian ini, dan juga apa-apa kos dan perbelanjaan yang berkaitan.

19. PENDEDAHAN MAKLUMAT DAN DATA PERIBADI PELANGGAN DI BAWAH AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN 2013 ("IFSA") DAN AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 ("PDPA")

- 19.1 Anda membenarkan kami untuk mengumpul, memproses, menyenggara, menyimpan dan mengekalkan data peribadi anda, serta mendedahkan dan memindahkannya kepada entiti lain dalam Kumpulan Bank (termasuk cawangan tempatan dan luar negara kami), dan ejen dan penyedia perkhidmatan kami, di dalam dan di luar Malaysia.
- 19.2 Anda membenarkan kami untuk menjalankan pemeriksaan kredit dan mengesahkan maklumat yang anda berikan kepada kami berhubung dengan Perjanjian ini (termasuk dalam permohonan Kad) dengan biro kredit dan entiti lain yang berkenaan.
- 19.3 Anda membenarkan kami mendedahkan butiran tentang Akaun Kad anda dan akaun lain dengan kami dan hubungan anda dengan kami (termasuk transaksi Kad dan baki kredit anda) kepada:
- (a) Kerajaan atau pihak berkuasa kawal selia atau agensi lain di Malaysia dan di tempat lain

termasuk Bank Negara Malaysia, Biro Kredit, Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (*Credit Bureau, the Central Credit Reference Information System* atau CCRIS), Cagamas Berhad, dan Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad;

- (b) Mana-mana Ahli Kumpulan Bank;
- (c) Mana-mana pihak yang menyediakan perkhidmatan kepada kami;
- (d) Ejen kami (termasuk ejen yang dilantik bagi tujuan menuntut balik jumlah perlu dibayar dan kena dibayar oleh anda kepada kami), perunding dan penasihat profesional yang dilantik bagi tujuan yang sama;
- (e) Pemegang serah hak kami atau mereka yang merupakan mana-mana Ahli Kumpulan Bank;
- (f) Mana-mana pegawai polis, atau mana-mana pegawai penyiasat yang menjalankan apa-apa penyiasatan; dan
- (g) Mana-mana orang yang pendedahan kepadanya dibenarkan atau dikehendaki oleh apa-apa undang-undang, peraturan atau arahan atau permintaan kerajaan.

19.4 Tertakluk kepada pematuhan terhadap peraturan atau garis panduan kawal selia yang terpakai (termasuk pematuhan terhadap apa-apa keperluan "pilih masuk" wajib bagi tujuan aktiviti pemasaran atau jualan silang), kami boleh menggunakan mana-mana bahagian maklumat anda yang kami kumpul untuk apa-apa tujuan sebagaimana yang boleh kami tentukan.

19.5 Anda membenarkan kami menggunakan, mendedahkan, memberitahu atau menyampaikan apa-apa maklumat tentang hal ehwal anda atau akaun anda dengan kami (termasuk Akaun Kad) untuk tujuan atau berkaitan dengan apa-apa prosiding bagi mendapatkan balik apa-apa jumlah atau melaksanakan hak kami di bawah Perjanjian ini.

19.6 Anda mengakui bahawa semua maklumat (peribadi atau selainnya) yang anda sediakan adalah lengkap dan tepat. Anda mesti memberitahu kami dengan segera tentang apa-apa perubahan pada maklumat anda bagi memastikan bahawa data dalam rekod kami adalah yang terkini.

20. PELANTIKAN EJEN

20.1 Kami boleh dari semasa ke semasa, atas opsyen kami melantik ejen pilihan kami dan membenarkan mereka untuk bertindak bagi pihak kami dalam melaksanakan hak kami di bawah Perjanjian ini (termasuk dalam mendapatkan balik

apa-apa jumlah perlu dibayar dan kena dibayar oleh anda kepada kami).

21. PELUPUSAN/PENJUALAN AKAUN KAD

21.1 Kami boleh, mengikut budi bicara kami selepas memberikan notis tidak kurang daripada dua puluh satu (21) hari kalendar dan melainkan kami menerima notis bertulis yang berlawanan dalam tempoh notis dua puluh satu (21) hari kalendar tersebut, menyerahkan hak, memindahkan dan/atau menjual semua atau apa-apa bahagian hutang yang merangkumi Akaun Kad anda dan apa-apa hak atau kepentingan kami berkaitannya kepada mana-mana institusi lain seperti yang mungkin diluluskan oleh Bank Negara Malaysia dan/atau ditubuhkan di bawah apa-apa perundangan berkanun Malaysia ("Pembeli Akaun Kad"). Sekiranya kami menerima notis bertulis yang berlawanan tentangnya, anda dianggap telah melaksanakan pilihan anda untuk menamatkan kemudahan Kad ini dan semua jumlah yang terhutang kepada kami di bawah akaun Kad anda akan serta-merta menjadi perlu dibayar dan kena dibayar, dan anda mesti membayar jumlah tersebut kepada kami apabila diminta. Tertakluk kepada notis anda yang berlawanan, anda seterusnya mengizinkan kami mendedahkan data peribadi anda dan/atau butiran tentang hal ehwal anda dan Akaun Kad anda kepada mana-mana Pembeli Akaun Kad yang dicadangkan, berpotensi atau sedia ada sebagaimana yang kami anggap sesuai. Kami tidak perlu memberikan apa-apa notis tentang pendedahan tersebut kepada anda terlebih dahulu.

22. UNDANG-UNDANG ANTIRASUAH, PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM DAN SEKATAN

22.1 Undang-undang Antirasuah

Anda menyatakan dan memberikan waranti kepada kami bahawa anda akan pada setiap masa menggunakan Kad dan mengendalikan Akaun Kad menurut semua undang-undang, dasar dan peraturan antirasuah yang terpakai.

22.2 Pencegahan Perubahan Wang Haram

(a) Anda memberikan waranti bahawa tidak ada satu pun dana yang dipindahkan kepada dan daripada akaun anda dengan kami (termasuk Akaun Kad) yang merupakan hasil daripada, atau akan digunakan untuk, aktiviti yang menyalahi undang-undang seperti yang ditakrifkan dalam Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil

daripada Aktiviti Haram 2001.

- (b) Anda bersetuju bahawa semasa tempoh Perjanjian ini, anda tidak akan semasa menggunakan Kad atau mengendalikan Akaun Kad:
- (i) Terlibat, secara langsung atau tidak langsung, dalam transaksi yang melibatkan aktiviti yang menyalahi undang-undang;
 - (ii) Merahsiakan atau menyembunyikan sifat sebenar apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang; atau
 - (iii) Menggunakan apa-apa wang daripada akaun anda bagi apa-apa tujuan pengubahan wang haram atau tujuan lain yang menyalahi undang-undang.

22.3 **Sekatan**

- (a) Baik anda mahupun mana-mana Ahli Kad Tambahan, atau sepanjang pengetahuan anda, mana-mana saudara anda atau mereka, bukan merupakan individu yang (i) pada masa ini tertakluk kepada apa-apa sekatan yang ditadbir atau dikuatkuasakan oleh Malaysia, Amerika Syarikat, OFAC, Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Kesatuan Eropah, Kerajaan UK atau pihak berkuasa sekatan lain yang berkenaan (secara kolektif, "**Sekatan**"), atau (ii) berada atau menetap di negara atau wilayah yang tertakluk kepada Sekatan.
- (b) Baik anda mahupun mana-mana Ahli Kad Tambahan tidak akan, secara langsung atau tidak langsung, menyediakan dalam apa jua cara, hasil daripada apa-apa Pendahuluan Tunai kepada mana-mana individu atau entiti yang tertakluk kepada Sekatan.
- (c) Anda mengakui bahawa kami mungkin tidak dapat memproses transaksi yang terjejas yang melibatkan atau disyaki melibatkan pelanggaran Sekatan atau apa-apa keperluan yang dikenakan oleh mana-mana pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami atau transaksi yang terjejas. Kami tidak akan bertanggungjawab dalam apa jua cara terhadap apa-apa kegagalan atau kelewatan dalam memproses mana-mana transaksi tersebut.

23. **PELBAGAI**

23.1 **Hak untuk Menolak Selesai dan Hak untuk Mendebit**

- (a) Kami boleh, dengan memberi anda notis bertulis tidak kurang daripada tujuh (7) hari kalendar

terlebih dahulu, menolak selesai atau memindahkan apa-apa wang yang masih belum dikreditkan ke dalam mana-mana akaun anda dengan kami (walau apa pun jenisnya dan walau di mana pun lokasinya), untuk mengurangkan dan/atau melepaskan apa-apa jumlah yang terhutang kepada kami di bawah Perjanjian ini. Kami tidak perlu memberikan apa-apa sebab kepada anda untuk melaksanakan tolak selesai atau pemindahan tersebut.

(b) Kami boleh, dengan memberi anda notis bertulis tidak kurang daripada tujuh (7) hari kalendar terlebih dahulu, menolak selesai atau memindahkan apa-apa wang yang masih belum dikreditkan ke dalam Akaun Kad anda untuk mengurangkan dan/atau melepaskan apa-apa jumlah yang terhutang kepada kami di bawah mana-mana akaun atau kemudahan lain yang diberikan kepada anda (walau apa pun jenisnya dan di mana pun lokasinya).

23.2 **Undang-undang**

Perjanjian ini (dan transaksi yang dikawal di bawahnya) akan dikawal oleh undang-undang Malaysia, tanpa mengira di mana transaksi yang berkenaan dilaksanakan.

23.3 **Masa**

Apabila Perjanjian ini memerlukan agar tindakan atau perkara dilakukan dalam tempoh masa tertentu atau dengan segera atau secepat yang mungkin, pematuhan terhadap keperluan tersebut merupakan perkara mustahak bagi Perjanjian ini.

23.4 **Penepian**

Jika terdapat apa-apa kegagalan atau kelewatan di pihak kami dalam melaksanakan apa-apa hak, kuasa atau remedi kami, perkara ini tidak akan ditafsirkan sebagai penepian yang menjejaskan hak, kuasa atau remedi tersebut.

23.5 **Pemeliharaan Hak dan Kepentingan**

Hak dan kepentingan kami yang terakru di bawah Perjanjian ini akan terus berkuat kuasa dan dilaksanakan sepenuhnya dan akan berkuat kuasa walaupun terdapat apa-apa pembatalan atau penggantungan Kad oleh kami.

23.6 **Perubahan pada Terma dan Syarat**

(a) Kami boleh, pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa, mengubah terma dan syarat Perjanjian ini sebagaimana yang kami fikirkan sesuai (termasuk dengan menambah syarat baharu atau menggugurkan atau menggantikan apa-apa syarat sedia ada). Kami akan memberi anda notis bertulis dua puluh satu (21) hari

- kalender tentang apa-apa perubahan terlebih dahulu. Kami boleh memberikan notis tersebut dengan memaparkannya di Laman web kami (www.maybank2u.com.my). Perubahan kepada terma dan syarat akan berkuat kuasa selepas tamat tempoh dua puluh satu (21) hari kalender tersebut. Anda hendaklah giat melayari laman web kami dari semasa ke semasa bagi memastikan anda sedar tentang semua perubahan pada terma dan syarat kerana terma dan syarat yang dipinda akan menggantikan semua perjanjian terdahulu.
- (b) Jika anda tidak bersetuju dengan apa-apa perubahan tersebut, anda mesti berhenti menggunakan Kad dengan serta-merta, menghubungi wakil Khidmat Pelanggan kami untuk memberitahu mereka tentang pendirian anda, dan mengambil langkah yang perlu untuk menamatkan Perjanjian ini dengan segera (seperti yang dinyatakan dalam Fasal 17). Jika anda tidak berbuat demikian, atau jika anda menggunakan Kad pada atau selepas tarikh apabila perubahan dinyatakan akan berkuat kuasa, anda akan dianggap telah menerima perubahan tersebut.
- 23.7 Alamat**
- (a) Kami boleh menghantar apa-apa surat-menyurat (termasuk notis) kepada anda melalui pos prabayar ke alamat anda seperti yang dinyatakan dalam Borang Permohonan Kad yang berkenaan, atau ke alamat lain seumpamanya seperti yang mungkin anda beritahu kepada kami secara bertulis dari semasa ke semasa. Anda akan dianggap telah menerima surat tersebut, tanpa mengira sama ada anda betul-betul menerima surat tersebut atau tidak melainkan terdapat keterangan yang berlawanan bahawa notis atau komunikasi tersebut pada hakikatnya tidak diterima. Apa-apa kegagalan di pihak anda untuk memberitahu kami tentang apa-apa perubahan alamat tidak akan mentaksahkan penyampaian apa-apa dokumen kepada anda atau menjejaskan hak kami di bawah Perjanjian ini. Kami juga boleh menghantar surat-menyurat kepada anda melalui mod komunikasi digital seperti mel elektronik (e-mel) ke alamat e-mel anda yang telah anda daftarkan dengan kami dan tersedia dalam sistem kami. Anda akan dianggap telah menerima surat-menyurat tersebut melalui e-mel pada masa e-mel direkodkan sebagai dihantar.
- (b) Sebagai tambahan kepada Klausula 23.7(a), kami boleh menghubungi anda atau berkomunikasi dengan anda melalui nombor mudah alih yang telah anda daftarkan dengan kami dan tersedia dalam sistem kami sama ada melalui panggilan atau mesej teks.
- 23.8 Penyampaian Proses Undang-undang**
- Anda bersetuju bahawa kami boleh menyampaikan apa-apa Writ Saman atau proses undang-undang lain berhubung dengan apa-apa tuntutan yang timbul daripada atau berkaitan dengan Perjanjian ini kepada anda dengan menghantar sesalinan proses tersebut melalui pos berdaftar prabayar (dan sesalinan melalui pos biasa) ke alamat anda seperti yang dinyatakan dalam Borang Permohonan Kad, atau ke alamat lain seumpamanya seperti yang mungkin anda maklumkan kepada kami secara bertulis dari semasa ke semasa.
- 23.9 Perakuan Keberhutangan**
- Perakuan yang ditandatangani oleh pegawai kami berkenaan wang yang pada masa itu terhutang dan perlu dibayar kepada kami oleh anda di bawah Perjanjian ini adalah muktamad.
- 23.10 Keberasingan**
- Jika mana-mana peruntukan dalam Perjanjian ini adalah atau menjadi tidak sah, tidak patuh Syariah atau tidak boleh dikuatkuasakan, perkara ini tidak akan memberikan kesan buruk kepada kesahan atau keupayaan penguatkuasaan peruntukan lain dalam Perjanjian ini, dan tidak akan membentuk pembelaan terhadap apa-apa tuntutan bagi apa-apa amaun yang perlu dibayar di bawah Perjanjian ini.
- 23.11 Syarat Tersirat**
- Perjanjian ini mewakili keseluruhan persefahaman antara anda dengan kami, dan anda mengakui bahawa tiada peruntukan, lisan atau bertulis, nyata atau tersirat, yang mengawal hubungan anda dengan kami selain yang terkandung dalam Perjanjian ini.
- 23.12 Perjanjian Gantian**
- Semua perjanjian terdahulu (jika ada) yang dibuat antara anda dengan kami dan berkaitan perkara dalam Perjanjian ini digantikan oleh Perjanjian ini.

24. TAKRIF

Dalam terma dan syarat ini, istilah yang berikut akan mempunyai maksud yang berikut:

"Ahli Kad"	ertinya orang yang kepadanya Kad itu dikeluarkan dan namanya dicetak timbul pada Kad dan tandatangannya diturunkan pada Kad sebagai pengguna dibenarkan, dan turut termasuk Ahli Kad Tambahan;		
"Ahli Kad Tambahan"	mana-mana orang yang telah memohon dan menerima pengeluaran Kad Tambahan dengan namanya tertera pada Kad tersebut, dan dibenarkan oleh Ahli Kad Utama untuk mengendalikan Akaun Kad;	"Kadar Keuntungan"	caj yang dikenakan ke atas anda sebagai pertukaran bagi Perkhidmatan yang disediakan kepada anda;
"Ahli Kad Utama"	ertinya anda, jika anda ialah pemegang Kad Utama, atau orang yang menerima Kad Utama, jika anda ialah Ahli Kad Tambahan;	"Kadar Keuntungan Efektif" atau "EPR"	ertinya Kadar Keuntungan Efektif yang dikenakan ke atas baki belum jelas transaksi runcit;
"Akaun Kad"	ertinya akaun anda yang dibuka dengan kami untuk tujuan Perjanjian ini;	"Kadar Keuntungan Pendahuluan Tunai Efektif" atau "ECAPR"	ertinya Kadar Keuntungan yang dikenakan ke atas baki belum jelas Pendahuluan Tunai dan caj perkhidmatan sekali sahaja bagi setiap Pendahuluan Tunai yang anda lakukan;
"ATM"	ertinya mesin berkomputer yang menyediakan pengeluaran tunai serta perkhidmatan dan kemudahan perbankan lain yang ditetapkan bagi kegunaan pemegang kad;	"Cukai"	"Cukai" termasuk: (i) apa-apa cukai barang dan perkhidmatan, cukai nilai tambah atau apa-apa cukai atau duti lain yang sama sifatnya yang dikenakan oleh mana-mana pihak berkuasa kerajaan atau kawal selia ("GST"); (ii) apa-apa cukai pegangan persekutuan A.S. yang dikenakan atau dikumpul menurut Seksyen 1471 hingga 1474 U.S Internal Revenue Code of 1986 (Kod Hasil Dalam Negeri A.S. 1986), sebagaimana dipinda dari semasa ke semasa ("Kod"), apa-apa peraturan semasa atau masa depan atau tafsiran rasminya, apa-apa perjanjian yang diikat menurut Seksyen 1471(b) Kod tersebut, atau apa-apa perundangan, peraturan atau amalan fiskal atau kawal selia yang diguna pakai menurut apa-apa perjanjian antara kerajaan yang diikat berhubung dengan pelaksanaan apa-apa
"Baki Semasa"	berhubung dengan apa-apa Penyata Kad, baki semasa anda bagi bulan pada Tarikh Penyata yang berkenaan;		
"Bank" atau "kami"	ertinya Maybank Islamic Berhad		
"Bayaran Minimum"	ertinya berhubung dengan apa-apa Penyata Kad, bayaran bulanan minimum yang kena dibayar pada Tarikh Akhir Pembayaran;		
"Borang Permohonan"	borang permohonan (sama ada dalam bentuk fizikal atau elektronik) yang meminta pengeluaran Kad kepada anda dan		

	Seksyen dalam Kod tersebut (“Cukai Pegangan FATCA”). Bagi kejelasan, GST dan/atau Cukai Pegangan FATCA ialah Cukai, dan potongan atau pegangannya dikehendaki oleh undang-undang terpakai bagi tujuan Perjanjian ini;		am di Kuala Lumpur;
		“Ibra”	ertinya penepian hak kami untuk menuntut bayaran yang perlu dibayar dan kena dibayar daripada anda;
“Draf Jualan”	ertinya borang berkaitan yang kami bekalkan kepada Pedagang Dibenarkan bagi tujuan merekod, mengesahkan dan membuktikan pembayaran bagi barangan atau perkhidmatan oleh ahli kad melalui penggunaan Kad;	“Jumlah Baki Baharu”	ertinya, dalam konteks Tempoh Bil dan pada bila-bila masa semasa Tempoh Bil tersebut, jumlah bagi: i) apa-apa baki yang masih belum dibayar daripada Tempoh Bil terdahulu; dan ii) amaun keseluruhan daripada pembayaran untuk barangan dan/atau perkhidmatan, atau Pendahuluan Tunai yang dibuat oleh Ahli Kad, menggunakan Kad, termasuk apa-apa fi dan caj yang dikenakan oleh Bank.
“Draf Pendahuluan Tunai”	ertinya borang berkaitan yang kami bekalkan kepada Saluran Tunai Dibenarkan untuk merekodkan, mengesahkan dan membuktikan Pendahuluan Tunai yang anda buat melalui penggunaan Kad, dan pendahuluan itu akan dicajkan kepada Kad Akaun anda;		tolak apa-apa bayaran yang dibuat oleh anda dan dikreditkan ke dalam Akaun Kad semasa Tempoh Bil pada masa tersebut;
“Fi Tahunan”	ertinya fi tahunan, seperti yang kami tentukan terlebih dahulu dari semasa ke semasa, yang mesti anda bayar untuk Kad pada setiap tahun;	“Kad”	ertinya Kad Visa MasterCard atau Kad Amex Ikhwan Maybank Islamic yang berkenaan yang dikeluarkan kepada anda;
“EPR”	mempunyai makna seperti yang diberikan padanya dalam Fasal 5;		
“Ganjaran”	termasuk TreatsPoints, hadiah cabutan bertuah, ganjaran pulangan tunai dan ganjaran lain yang mungkin kami berikan dari semasa ke semasa;	“Kad Utama”	ertinya Kad yang dikeluarkan kepada Ahli Kad Utama, yang dianggap sebagai Kad utama bagi tujuan Akaun Kad, dan semua Kad Tambahan yang dipautkan kepada Akaun Kad tersebut merupakan tambahan;
“Had Kad”	Ertinya had kredit yang ditetapkan oleh Bank sebelum pelaksanaan Komoditi Murabahah berdasarkan gaji yang diisytiharkan oleh pemegang kad dan sentiasa tertakluk kepada had maksimum yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia dalam Dokumen Polisi untuk Kad Kredit-i	“Kad Tambahan”	Kad tambahan yang kami keluarkan kepada Ahli Kad Tambahan;
“Hari Perniagaan”	ertinya apa-apa hari apabila pejabat Bank dibuka untuk urusan	“Kumpulan Bank”	ertinya, secara kolektif, Bank, semua syarikat yang berkaitan dengan Bank di bawah maksud Seksyen 7 Akta Syarikat 2016, dan semua syarikat bersekutu Bank atau syarikat induk Bank, dan “Ahli Kumpulan Bank” ertinya mana-

	mana satu daripada entiti tersebut;		semasa ke semasa sebagaimana yang ditentukan oleh Bank;
"Mata Wang Bil"	ertinya Ringgit Malaysia;	"Purata Baki Harian"	ertinya, dalam konteks Tempoh Bil, amaun yang dikira dengan:-
"Nombor Pengenalan Peribadi (PIN)"	ertinya kod bernombor sama ada yang kami berikan kepada anda, atau yang anda pilih, untuk membolehkan anda mendapat akses kepada perkhidmatan tertentu dengan menggunakan Kad;	"Saluran Tunai Dibenarkan"	i) menambahkan baki akhir yang terutang oleh anda pada setiap hari Tempoh Bil;
"Pedagang Dibenarkan"	ertinya mana-mana peruncit atau orang, firma atau syarikat lain yang mengikat perjanjian dengan kami (atau dengan Visa, MasterCard atau AMEX, jika berkenaan) untuk menerima Kad apabila dikemukakan sewajarnya;	"Senarai Pembatalan"	ii) dan membahagikan jumlah baki tersebut dengan bilangan hari dalam Tempoh Bil tersebut.
"Pendahuluan Tunai"	ertinya penggunaan Kad untuk pengeluaran wang tunai atau dalam apa jua bentuk wang tunai dalam sebarang mata wang dan penggunaan Kad untuk pembelian cek kembara, mata wang asing, kiriman wang dan transaksi wang tunai kuasi yang mewakili penjualan barang peniaga (termasuk mata wang digital i.e mata wang kripto atau yang berkaitan/serupa dengan mata wang kripto); Jawatankuasa Syariah Bank belum meluluskan sebarang jenis mata wang digital dan penggunaan Kad untuk Pendahuluan Tunai dengan pengendali mata wang digital yang tidak dibenarkan (seperti yang disenaraikan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia) adalah tidak digalakkan. Sekiranya anda melakukannya, ia akan menjadi risiko anda sendiri dan Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian yang ditanggung.		ertinya cawangan, pejabat dan/atau lokasi yang kami tetapkan, di mana Pendahuluan Tunai secara umumnya boleh dilaksanakan oleh ahli kad; ertinya secara kolektif: (a) Senarai Kad Disekat (<i>Restricted Card List</i> atau RCL), terdiri daripada notis bercetak yang memaklumkan Pedagang Dibenarkan supaya tidak menerima transaksi apabila mana-mana Kad berkenaan yang dirujuk dalam notis tersebut dikemukakan;
"Penyata Kad"	penyata kad berkala untuk semua Akaun Kad;	"Tarikh Akhir Pembayaran"	(b) Buletin Amaran Bergabung (<i>Combined Warning Bulletin</i> atau CWB), terdiri daripada notis bercetak yang mengandungi senarai nombor akaun yang disekat atau dibatalkan dan memaklumkan Pedagang Dibenarkan supaya tidak menerima transaksi apabila mana-mana kad kredit yang dikaitkan dengan nombor akauntersebut dikemukakan;
"Perkhidmatan"	perkhidmatan, keistimewaan dan manfaat termasuk Pendahuluan Tunai dan semua kemudahan perbankan lain, yang kami sediakan kepada anda dari	"Tarikh Penyata"	(c) Senarai Kad Hangat (<i>Hot Card List</i> atau HCL), terdiri daripada notis bercetak yang mengandungi senarai nombor akaun yang disekat/dibatalkan; ertinya berhubung dengan apa-apa Penyata Kad, dua puluh (20) hari kalendar dari tarikh tutup Tempoh Bil yang tertera pada Penyata Kad; berhubung dengan apa-apa Penyata Kad, apa-apa tarikh sebagaimana yang boleh kami

"Tempoh Bil"	tentukan bagi Penyata Kad; ertinya, tempoh yang terangkum dalam penyata akaun bulanan, apabila semua pembayaran bagi barangan dan/atau Perkhidmatan dan Pendahuluan Tunai dibuat menggunakan Kad, serta pembayaran keuntungan dan caj yang ditanggung oleh anda yang dibuat dalam tempoh tersebut direkodkan dalam penyata akaun bulanan tersebut;	Wang Haram"	keganasan dan hasil daripada aktiviti haram (termasuk Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 Malaysia), serta semua arahan dan garis panduan yang mengikat, ditadbir atau dikuatkuasakan menurut undang-undang tersebut;
"Terma dan Syarat"	terma dan syarat yang dinyatakan dalam Perjanjian ini termasuk apa-apa pindaan, perubahan dan/atau penambahan yang dibuat atau dimasukkan dari semasa ke semasa;	"Undang-undang Sekatan"	ertinya apa-apa perintah atau arahan sekatan yang ditadbir atau dikuatkuasakan oleh Malaysia, Amerika Syarikat, U.S. Department of Treasury's Office of Foreign Assets Control atau "OFAC" (Pejabat Kawalan Aset Asing Jabatan Perbendaharaan A.S.), United Nations Security Council (Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu), Kesatuan Eropah, atau pihak berkuasa kawal selia lain yang berkenaan terhadap mana-mana individu atau entiti yang terletak, ditubuhkan atau menetap di negara atau wilayah tertentu;
"Terminal Bacaan Jalur Magnetik"	ertinya terminal di tempat urus niaga yang dapat membaca jalur magnetik pada Kad;		
"Komoditi Murabahah"	Konsep pembelian komoditi (iaitu aset yang ditransaksi dalam aturan Tawarruq) daripada penjual komoditi secara bayaran tertangguh melalui mana-mana Bai' Musawamah atau Bai' Murabahah. Komoditi kemudian dijual secara tunai kepada pihak selain daripada penjual asal.		
"Undang-undang Antirasuah"	ertinya: i) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009; ii) US Foreign Corrupt Practices Act of 1977 (Akta Amalan Rasuah Asing A.S. 1977); iii) UK Bribery Act 2010 (Akta Sogokan UK 2010); dan/atau iv) apa-apa undang-undang atau peraturan serupa yang terpakai untuk anda atau kami yang berkaitan dengan sogokan atau rasuah;		
"Undang-undang Pencegahan Pengubahan"	ertinya semua undang-undang dan peraturan terpakai berkaitan pencegahan pengubahan wang haram, pencegahan pembiayaan		

LAMPIRAN 1
Caj EPR dan CAPR

A. Kadar Keuntungan Efektif (EPR)

Syarat	Kadar Keuntungan Efektif	
	Sebulan	Setahun
Bulan Pembayaran/Jumlah 12 Bulan		
Bagi pembayaran segera 12/12 bulan	1.25%	15%
Bagi pembayaran segera 10/12 bulan	1.42%	17%
Bagi pembayaran segera kurang daripada 10/12 bulan	1.50%	18%

B. Kadar Keuntungan Pendahuluan Tunai (CAPR)

Kadar Keuntungan Pendahuluan Tunai	
Fi sekali sahaja	Kadar Keuntungan
Fi sekali sahaja sebanyak 5% ke atas amaun Pendahuluan Tunai atau minimum sebanyak RM18 setiap transaksi, mengikut mana-mana yang lebih tinggi	18% setahun ke atas baki Pendahuluan Tunai belum jelas

LAMPIRAN 2
Caj Kad Kredit-i

Fi dan Caj yang kena dibayar menurut Fasal 5

Jenis Yuran	Butiran		
Fi Tahunan	Kad Kredit	Prinsipal	Tambahan
	Kad Kredit-i Maybank Islamic Mastercard Ikhwan Visa Gold	Tiada Caj Tahunan	
	Kad Kredit-i Maybank Islamic Mastercard Ikhwan Visa Platinum		
	Kad Kredit-i Maybank Islamic PETRONAS Ikhwan Visa Gold		
	Kad Kredit-i Maybank Islamic PETRONAS Ikhwan Visa Platinum		
	Kad Kredit-i Maybank Islamic Ikhwan American Express Platinum	<ul style="list-style-type: none"> • RM800 • Dikecualikan dengan penggunaan melebihi RM80,000 setahun 	<ul style="list-style-type: none"> • Percuma untuk 4 Kad Tambahan pertama • Kad kelima dan seterusnya akan dicaj RM400
	Kad Kredit-i Maybank Islamic myimpact Ikhwan Mastercard Platinum		
Fi Penggantian Kad-i	<ul style="list-style-type: none"> • RM50.00 bagi setiap kad kecuali Kad Kredit Islamic World Elite Mastercard Ikhwan (RM175.00). 		
Fi Mencetak Draft Jualan	RM15 bagi setiap salinan		
Fi Permintaan Penyata Tambahan	<ul style="list-style-type: none"> • Sekiranya penyata dalam tempoh 2 tahun: RM5 bagi setiap penyata bulanan • Sekiranya tempoh penyata melebihi 2 tahun: RM10 bagi setiap penyata <p><i>Nota: Untuk permintaan disebabkan 'kerosakan', 'tidak terima' dan 'hilang', caj RM5 akan dikenakan bagi tempoh penyata melebihi 3 bulan dari penyata bulanan semasa.</i></p>		
Yuran pengeluaran tunai (sekali setiap transaksi)	5% daripada jumlah yang didahulukan atau minimum RM18, yang mana lebih tinggi.		
Yuran Urus Niaga Luar Negara	<p>Transaksi-transaksi yang dijalankan di luar negara akan ditukar kepada Ringgit Malaysia pada tarikh transaksi diterima dan/atau diproses. Amaun yang ditukarkan tersebut akan ditunjukkan dalam penyata anda. Kadar pertukaran yang digunakan untuk penukaran mungkin berbeza daripada kadar semasa dikenakan pada tarikh transaksi urus niaga disebabkan oleh keadaan turun naik pasaran. Kadar pertukaran yang digunakan untuk menukar transaksi yang dibuat dalam mata wang asing merupakan satu gabungan (i) komponen penukaran mata wang 1.25% yang dikenakan oleh Visa International atau Mastercard International (dalam Kes Kad Kredit-i Ikhwan Visa atau Mastercard), dan (ii) 1% atau pada kadar lain yang dikenakan oleh pihak kami.</p> <p>Semua penukaran asing yang ditukar oleh American Express dikenakan caj sebanyak 2.5% kepada amaun yang ditukar. Caj yang dibuat dalam mata wang asing selain Dolar A.S apabila penukaran dilakukan oleh American Express akan ditukar ke Dolar A.S. sebelum ditukarkan ke dalam mata wang yang diminta.</p>		
Cukai Perkhidmatan	RM25 akan dikenakan ke atas setiap kad kredit-i Ikhwan utama dan tambahan setelah pengaktifan dan pembaharuan tahunan kad kredit-i Ikhwan utama dan tambahan.		
Yuran pembayaran lewat	1% daripada baki belum jelas mengikut tarikh penyata atau minimum RM 10.00, mengikut mana-mana yang lebih tinggi sehingga maksimum RM 100.00.		

